

Pertandingan Video Keselamatan Jalan Raya

PENGENALAN

Pertandingan Video Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan “World Day of Remembrance for Traffic Road Victims” adalah satu *platform* bertujuan untuk meningkat kesedaran mengenai keselamatan jalan raya. Pertandingan ini memberikan peluang khusus pada orang ramai untuk mengambil bahagian dalam sambutan “World Day of Remembrance for Traffic Road Victims”.

HADIAH-HADIAH PEMENANG

- Tempat Pertama: \$2,000.00
- Tempat Kedua: \$1,500.00
- Tempat Ketiga: \$1,000.00
- Video Pilihan Ramai: \$500.00

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Dibukakan kepada semua peringkat umur.
3. Setiap peserta dibolehkan menghantar seberapa banyak hasil terbitan.
4. Penyertaan adalah PERCUMA.
5. Hasil atau bahan terbitan hendaklah asli dan tidak disedut dari mana-mana terbitan dan tidak pernah dihantar kepada mana-mana *production house* mahupun stesen-stesen Televisyen.
6. Hakcipta hasil terbitan adalah hakmilik peserta. Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) berhak untuk memaparkan mana-mana hasil terbitan yang menang atau tidak di mana-mana platform seperti laman web, pameran, mana-mana media yang berkaitan atau media social bagi tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
7. Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap video penyertaan bagi tujuan penyiaran.
8. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini semasa proses penghasilan video.
9. Pihak penganjur berhak mengubah sebarang syarat dan peraturan dari masa ke semasa.

KONSEP VIDEO

1. Tema bagi video ialah “**Life is not a Car Part**”.
2. Durasi video tidak melebihi satu (1) minit termasuk “opening” dan “closing” credit.
3. Konsep video terbuka untuk animasi, footage video ataupun gambar.
4. Format video yang diterima ialah format *MPEG 4, AVI dan MOV* yang boleh dimuat turun melalui internet dan telefon pintar dalam resolusi minima 1080p;
5. Corak video adalah bebas dengan mengikut genre yang telah ditetapkan dan berkaitan dengan keselamatan jalan raya.
6. Bahasa penghantar atau dialog adalah Bahasa Melayu (Brunei / Standard) ataupun Bahasa Inggeris.
7. Corak video adalah berasaskan dan berlandaskan Melayu Islam Beraja.
8. Hasil terbitan mestilah TIDAK memaparkan isu-isu sensitive atau kontroversi dari segi budaya, kaum, agama, politik, isu-isu perundangan dan perlembagaan negara.

Pertandingan Video Keselamatan Jalan Raya

9. Cara menghantar penyertaan video adalah melalui E-mel kepada **mkkjrbrunei@gmail.com** dengan butir-butir seperti berikut:
 - Nama
 - No. IC
 - No. Telefon
 - Pautan muat turun video sama ada menggunakan Dropbox atau Google Drive.
10. Setiap peserta adalah digalakkan untuk memuat naik video penyertaan kedalam Instagram persendirian dengan menggunakan hashtag rasmi iaitu **#WDRvideo** dan hendaklah memastikan akaun Instagram persendirian tersebut tidak *private*.

PENGHAKIMAN

Keseluruhan video yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan yang berikut:-

1. Keputusan hakim adalah muktamad
2. Ketulenan / Keaslian
3. Kreativiti
4. Kualiti mesej yang disampaikan
5. Penyuntingan
6. Menepati **tema** dan **genre**

GENRE

Hasil terbitan hendaklah mengandungi salah satu atau lebih amalan-amalan langkah keselamatan ketika menggunakan jalan raya seperti berikut:

- Menggunakan tali pinggang keledar ketika memandu.
- Jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.
- Mematuhi had laju di jalan raya.
- Jangan memandu di bawah pengaruh alkohol atau ubat-ubatan.
- Menggunakan topi keledar dan pakaian yang bersesuaian bagi penunggang basikal dan motosikal semasa berada di jalan raya.
- Berwaspada terhadap pengguna jalan raya yang lain.
- Memastikan keadaan tayar kenderaan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila layari laman sesawang: www.mkkjr.gov.bn

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: Hari Jumaat, 31 JANUARI 2020